

setempat di kawasan tumpuan seperti Perpustakaan Desa, balai raya dan pusat komuniti di kampung-kampung terpilih di seluruh Malaysia.

Tujuan utama program ini adalah untuk memberi peluang kepada rakyat di kawasan yang tiada liputan jalur lebar untuk menikmati kemudahan jalur lebar seperti di kawasan bandar serta memberi akses permulaan kepada penduduk setempat. Sehingga Februari 2015, sebanyak 4,875 KTW1M telah dilaksanakan di seluruh negara, manakala 651 dalam pelaksanaan dan dijangka akan disiapkan secara berperingkat sehingga suku kedua tahun ini.

Kerajaan mengambil maklum dan sentiasa berusaha bagi mempertingkatkan pelaksanaan kemudahan perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar dan pedalaman. Selain daripada perkhidmatan KTW1M, Kerajaan juga sentiasa meneliti dan mempertimbangkan keperluan perluasan pelaksanaan pelbagai inisiatif dari semasa ke semasa dalam memastikan penduduk mendapat akses kepada jalur lebar. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pembinaan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M); dan
- ii. Pembinaan menara telekomunikasi.